

PERTANIAN : TANAMAN BUAHAN TERPILIH NEGERI PERLIS

Pengenalan

Pertanian, antara 5 sektor utama penyumbang KDNK negara. Ia bertindak sebagai input bahan mentah bagi memastikan kelestarian sumber pengeluaran dapat dicapai. Janaan ekonomi menghasilkan pendapatan melalui jualan eksport dan domestik. Sektor Pertanian meliputi subsektor tanaman, penternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

**TAHUKAH
ANDA**



Sumbangan Tanaman Kepada KDNK

Pada tahun 2019 subsektor tanaman di Perlis telah merekodkan nilai ditambah sebanyak RM490 juta iaitu 36.8 peratus sumbangan kepada sektor Pertanian di Perlis. Berbanding tahun sebelum, berlaku pertumbuhan perlahan kepada sektor ini berikutan penurunan aktiviti padi yang menyumbang 17.4 peratus kepada sektor Pertanian.




| | 2018 | 2019 |
|-------------------------|-------|-------|
| Nilai ditambah (juta) | RM488 | RM490 |
| Pertumbuhan tahunan (%) | 2.2 | 0.5 |

Peningkatan nilai ditambah didorong oleh peningkatan subsektor tanaman sayur-sayuran dan buahan di Perlis tahun 2019.

Pengeluaran Tanaman (Buah-buahan) Perlis Tahun 2017 - 2020

Data awalan pengeluaran tanaman buah-buahan (tan matrik) di Perlis merekodkan nilai peningkatan sebanyak 12.0 peratus pada tahun 2020 dengan nilai pengeluaran sebanyak RM82.8 ribu (2019 : RM73.9 ribu). Peningkatan jumlah pengeluaran tanaman didorong oleh insentif kerajaan kepada para petani bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman. Manakala, pada tahun 2017, jumlah pengeluaran tanaman adalah 24 kali ganda tahun 2020 disebabkan antara faktor ketersediaan kawasan tapak sewaan keluasan (bertanam) pisang dan tembikai di Kawasan Lembah Chuping.

Pengeluaran tanaman (buah-buahan) Perlis Tahun 2017 - 2020




Pengenalan Tanaman Harumanis



Mangga Harumanis sudah tidak asing lagi dengan Negeri Perlis bahkan turut menjadi ikon kepada Perlis. Daya tahan tanaman ini telah menjadikan ia sebagai tanaman pilihan oleh para pengusaha tanaman buah. Harumanis mampu hidup subur dalam cuaca panas sekitar 30 hingga 38 darjah celsius dalam masa dua hingga tiga bulan dan hanya memerlukan taburan hujan minima 2,700 setahun untuk proses tumbesaran. Sehingga kini, Perlis merupakan lokasi yang paling sesuai untuk tanaman Harumanis ekoran faktor cuaca dan keadaan tanah yang baik. Harumanis juga turut menjana pulangan pendapatan yang baik untuk para pengusaha di Perlis dan ini dapat dilihat dengan permintaan yang tinggi dari penduduk Negeri Perlis dan permintaan dari luar.

Jumlah dan Nilai Pengeluaran Harumanis Tahun 2017 - 2021



Pengeluaran Tanaman Harumanis

Data awalan menunjukkan jumlah pengeluaran Harumanis meningkat 1.8 peratus pada tahun 2020 dengan nilai pengeluaran sebanyak RM42.42 juta berbanding 2,082.5 tan (RM39.96 juta) tahun 2019. Peningkatan nilai pengeluaran didorong oleh 'good management ethics' semasa pandemik COVID-19 tahun 2020 oleh antaranya Jabatan Pertanian Perlis, FAMA dan MOA Inc. Perlis dalam usaha pemasaran Harumanis.

Penduduk Bekerja Sektor Pertanian

Jumlah Penduduk Bekerja Sektor Pertanian Tahun 2017 - 2019 ('000)



3,336 tan pengeluaran Harumanis **disasarkan** pada **tahun 2021** dengan nilai pengeluaran sebanyak **RM66.7 juta.**



PKP 2020

1 Ketidaksediaan pengusaha Harumanis mendepani situasi pandemik.

2 Jualan terus hasil pengeluaran kepada pelanggan tersekat ekoran pelaksanaan PKP.

3 Cabaran perniagaan medium atas talian kepada pengusaha warga emas.

4 Pembatalan tempahan pelanggan di saat akhir melalui medium atas talian.

5 Penggiliran penghantaran buah pada peringkat awal menyebabkan kerosakan buah kepada pelanggan.

6 Berlaku lambakan di pusat perkhidmatan penghantaran (kurier) ekoran permintaan luar

TAHUKAH ANDA ?

ISU dan MASALAH Berkaitan Tanaman Harumanis

Kelekatan buah rendah



Insidious Fruit Rot (IFR)

UMUM



70% petani berumur 50 tahun ke atas.



Kecurian Buah



Haiwan Perosak

Usaha Mengatasi Permasalahan semasa PKP




Jabatan Pertanian

Penyampaian saluran maklumat kepada pembeli, peraih dan pemborong kepada pengusaha harumanis

KEMPEN HARUMANIS KEMBALI LAGI

Pelancaran kempen Harumanis kembali lagi oleh MAFI bagi bermula 11 April – 30 Jun 2021 bagi menarik permintaan terhadap harumanis.



24 Lokasi Pengumpulan Harumanis ditubuhkan bagi mengelakkan kesesakan di pusat perkhidmatan kurier.

eFAMAPLACE

Support Our Farmers & Fishermen Online!

3 tan Harumanis dijangka dijual di platform eFAMAPLACE di Shopee dengan 40 peratus diskaun dan *free on shipping*.

Kerjasama antara AirAsia Farm bersama MAFI, FAMA Perlis dan Jabatan Pertanian Perlis sebagai pengedar rasmi Harumanis.



Pembelian hasil pertanian untuk dihantar ke pusat belian FAMA



Kerjasama antara 4 syarikat kurier bagi mengambil Harumanis di lokasi pengumpulan.



Kerjasama Airasia Farm bersama Foodpanda & Tune Hotel bagi pengurusan logistik.



Pemasaran pengeluaran hasil dan pengurusan logistik.



BANCIO
PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

**TAHUKAH
ANDA**

Modenisasi Pertanian Terhadap Harumanis



Modenisasi pertanian kepada tanaman Harumanis adalah dengan memperkenalkan Penggunaan Teknologi & Inovasi dalam pengurusan tanaman Harumanis itu sendiri. Kaedah ini berupaya untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tanaman Harumanis serta dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil tanaman.

KOD KESELAMATAN

Tanda kekal berbentuk abjad pada buah Harumanis yang amat membantu petani dalam memastikan keluaran buah yang mempunyai identiti dan boleh dikesan. Ianya juga bagi mengelak kes kecurian dan penipuan. Teknologi ini telah digunakan oleh pengusaha Harumanis seramai 144 orang pada tahun 2018 dengan keluasan 142.78 hektar manakala seramai 133 orang telah menggunakannya pada tahun 2019 dengan keluasan sebanyak 103.86 hektar.

QR CODE

Aplikasi untuk memudahkan pembeli untuk mengenal pasti buah yang dibeli dikeluarkan dari mana-mana ladang oleh pengusaha projek harumanis. Pada tahun 2018, seramai 14 orang petani telah menggunakan teknologi ini dengan keluasan 36.96 hektar manakala tahun 2019 seramai 39 orang telah menggunakannya dengan keluasan tanaman seluas 55.88 hektar.

RODA HARUMANIS

Roda Harumanis atau kalender tanaman untuk merancang jadual pengeluaran buah Harumanis dan juga sebagai panduan bagi kerja-kerja pengurusan di ladang. Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian, bermula dari tahun 2017 sehingga 2019 sebanyak 2,808 roda telah digunakan oleh pengusaha Harumanis.

GELANG HARUMANIS

Menentukan saiz buah yang sesuai untuk dibalut iaitu antara 16 -19 cm. Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian bermula dari tahun 2019 sehingga tahun 2020, sebanyak 1500 unit gelang telah digunakan oleh pengusaha Harumanis.

BRIX METER

Penyukat tahap kemanisan buah untuk memastikan buah matang dan sesuai untuk dipetik. Pegawai Jabatan Pertanian akan menjalankan pemeriksaan *brix* bagi ladang bimbingan Jabatan untuk memastikan buah yang dipungut matang dan berkualiti.

JENTERA PERTANIAN

Penggunaan mekanikal/jentera pertanian yang membantu petani menjimatkan tenaga, masa dan kos seperti penggunaan Traktor ATV bagi menjalankan kerja-kerja pengurusan tanaman di ladang.

Sumber :
Jabatan Pertanian Negeri Perlis
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis

PENAFIAN : Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.



BANCIO
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA